

# Malaysia boleh jadi negara pilihan FDI

UM-3/4/2007  
KUALA LUMPUR, 2 April - Malaysia boleh menjamin yang ia adalah pilihan untuk pelaburan asing langsung (FDI) dengan mengadakan peraturan, standard dan kemudahan berdaya saing dengan teknologi yang canggih, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Kata beliau, ini merangkumi antara lainnya sektor perindustrian, kewangan, perbankan, pertanian dan bioteknologi.

"Dalam konteks hubungan antarabangsa, cabaran globalisasi terutamanya, perlu berdaya saing dalam semua aspek kedudukan global kita," kata beliau pada Persidangan Ketua-Ketua Misi 2007 di sini hari ini.

Malaysia, tegas beliau, mesti mampu menghasilkan dan membekalkan produk serta perkhidmatan yang bermutu tinggi agar negara ini boleh menawarkannya sebagai barangan dagangan yang kompetitif.

"Faktor-faktor ekonomi tradisi bagi pengeluaran yang terdiri daripada tanah, buruh dan modal telah kian digantikan dengan pengetahuan, kreativiti dan inovasi sebagai keperluan ke arah mewujudkan kekayaan," kata beliau.

## Global

Oleh yang demikian, adalah penting bagi Malaysia mendahului dalam penyelidikan dan pembangunan sains dan teknologi, terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan modal insan.

"Saya sesungguhnya percaya rahsia utama kepada kejayaan negara bergantung kepada kualiti rakyatnya. Saya ingin meletakkan sebanyak mungkin usaha negara termasuk penggunaan kepakaran luar jika perlu, untuk menggalakkan pembangunan modal insan," tambah Abdullah yang juga merupakan Menteri Kewangan.

Beliau mahu dasar luar Malaysia dalam era globalisasi ini menyediakan sokongan kepada kedudukan negara sebagai ekonomi paling global, sambil memberi contoh Indeks Globalisasi 2005 A.T. Kearney yang meletakkan Malaysia sebagai negara ke-19 paling global di dunia.

Dalam tahun 2006, untuk pertama kalinya jumlah dagangan Malaysia melepasi RM1 trilion, melebihi dua kali Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

"Keterbukaan ekonomi kita telah memudahkan pertumbuhan. Bagaimanapun, dalam persekitaran di mana saingan global semakin sengit, kita perlu terus kekal mendahului saingan jika kita mahu terus berkembang," kata beliau.

Oleh kerana itu, adalah penting bagi ekonomi negara bersaing untuk menarik FDI, memampatkan pelaburan domestik dan terus hebat dalam persekitaran perdagangan global.

- Bernama